


TAKAFULINK DANA AKTIF

HELAIAN FAKTA DANA UTAMA 2020



TAKAFUL & KAMI

Takaful secara harfiah bermaksud tanggungjawab, jaminan, jaminan kolektif dan usaha bersama. Secara umum, takaful diasaskan pada pengaturan kerjasama (ta'awun) berdasarkan prinsip-prinsip bersama dan solidariti, merangkumi unsur-unsur indemnititi dan kepentingan bersama. Takaful ditakrifkan di bawah Seksyen 2 Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, yang bermaksud perkiraan yang berasaskan pertolongan secara bersama yang di bawahnya peserta takaful bersetuju untuk menyumbang kepada suatu kumpulan wang yang sama yang menyediakan manfaat kewangan bersama yang kena dibayar kepada peserta takaful itu atau kepada benefisiarinya pada masa berlaku sesuatu kejadian yang telah dipersetujui terdahulu.

Bergantung pada model takaful yang diluluskan, caruman peserta akan disalurkan ke dana berasingan untuk pelaburan. Dana-dana* kami hanya dilaburkan di dalam pelaburan patuh Syariah, di dalam dan luar negara. Setiap pelaburan dibuat selepas mengambil kira risiko dan pulangan yang terlibat.

Di Prudential BSN Takaful (PrubSN), kami mendukung nilai-nilai ini melalui amalan profesional yang dapat menyediakan segala yang diperlukan oleh peserta-peserta kami. Nilai-nilai ini amat jelas dalam setiap transaksi kami. Nilai-nilai inilah yang menjadikan kami pilihan berhemat.

Melalui rangkaian agensi dan rakan niaga, kami menyediakan pelbagai produk inovatif yang melindungi anda dalam setiap aspek kehidupan anda. Daripada perlindungan ke simpanan hingga keperluan kerohanian anda, setiap produk kami dicipta bagi memberikan ketenangan minda untuk anda.

TAKAFULINK DANA AKTIF

Ciri-ciri Dana	
Objektif Pelaburan	Takafulink Dana Aktif (Dana) bertujuan untuk menyediakan peningkatan nilai modal dengan melabur dalam sekuriti patuh Syariah syarikat-syarikat permodalan pasaran kecil yang berpotensi untuk berkembang.
Strategi Pelaburan & Pendekatan	Dana bertujuan untuk mencapai objektif dengan melabur dalam skim pelaburan kolektif Islam (Dana Sasaran) yang melabur dalam sekuriti patuh Syariah syarikat permodalan pasaran kecil yang berpotensi untuk berkembang. Dana Sasaran akan dipantau untuk menilai prestasi, proses, kaedah dan kedudukan. Peruntukan atau Dana Sasaran mungkin berubah jika dianggap tidak sesuai untuk memenuhi objektif Dana. <i>Nota: Rujuk kepada pendedahan tambahan untuk butiran Dana Sasaran.</i>
Peruntukan Aset	<ul style="list-style-type: none">• Sehingga 100% Nilai Aset Bersih (NAV) Dana dalam Dana Sasaran; dan• Baki NAV Dana yang tidak dilaburkan di dalam Dana Sasaran akan dilaburkan dalam instrumen pasaran wang Islam.
Tanda Aras Prestasi	80% Indeks Syariah FTSE Bursa Malaysia Small-cap + 20% Indeks Syariah Emas Bursa Malaysia (FTSE)
Pengurus Dana	Eastspring Al-Wara' Investments Berhad (200901017585 (860682-K))

Yuran & Caj	
Caj Wakalah Pengurusan Aset	1.5% setahun
Caj Lain, jika ada	TIADA

*Dana-dana Takafulink adalah instrumen pelaburan patuh Syariah.

TAKAFULINK DANA AKTIF

Pendedahan Tambahan untuk Takafulink Dana Aktif

Takafulink Dana Aktif disalurkan ke dalam Dana Eastspring Investments Islamic Small-cap, yang diuruskan oleh Eastspring Investments Berhad (Pengurus Dana Sasaran).

Sila ambil perhatian bahawa anda akan dikenakan caj tahunan wakalah pengurusan aset sebanyak 1.5% pada peringkat Dana dan tiada caj tahunan wakalah pengurusan aset pada peringkat Dana Sasaran.

Prestasi Dana

Tahun	Takafulink Dana Aktif	Tanda Aras ^{^^}
2020	4.29%	19.84%
2019	16.49%	21.56%
2018*	(4.01%)	(10.38%)

*Takafulink Dana Aktif dilancarkan pada 30 Oktober 2018. Prestasi dana adalah dari tarikh pelancaran dana sehingga akhir tahun bagi tahun yang sama (pulangan bukan tahunan).

^^80% Indeks Syariah FTSE Bursa Malaysia Small-cap + 20% Indeks Syariah Emas Bursa Malaysia (FTSE).

Prestasi Dana untuk Dana Sasaran, Eastspring Investments Islamic Small-cap pada 31 Disember 2020 adalah seperti berikut:

Tahun	2020	2019	2018	2017
Prestasi Bersih (%)	3.93	20.80	(20.73)	9.04 [^]

[^]Prestasi dana adalah dari tarikh pelancaran dana sehingga akhir tahun bagi tahun yang sama (pulangan bukan tahunan).

Nota:

- Dana Eastspring Investments Islamic Small-cap telah dilancarkan pada 25 Mei 2017.
- Prestasi dikira pada NAV# tahun n-1 hingga NAV# tahun asas n dengan pendapatan kasar atau dividen yang dilaburkan semula.
- 80% Indeks Syariah FTSE Bursa Malaysia Small-cap + 20% Indeks Syariah Emas Bursa Malaysia (FTSE).
- Untuk maklumat lanjut berkenaan Dana Sasaran, sila rujuk <http://www.eastspring.com>.

#NAV di sini merujuk pada Nilai Aset Bersih Dana Sasaran.

Asas pengiraan prestasi sebelumnya:

$$= \frac{\text{NAV}^* \text{ untuk tahun } n}{\text{NAV}^* \text{ untuk tahun } n-1} \% - 100\%$$

*NAV di sini merujuk pada Nilai Aset Bersih Dana.

Nota Penting: Prestasi lampau Dana bukan satu petunjuk untuk prestasi masa hadapan. Ini adalah prestasi untuk dana pelaburan semata-mata dan bukan pulangan yang diperolehi daripada sumbangan sebenar yang dibayar untuk produk takaful berkaitan pelaburan.

TAKAFULINK DANA AKTIF

Harga Hadapan

Unit diwujudkan dan dibatalkan pada tarikh penentuan harga berikutnya selepas penerimaan sumbangan atau pemberitahuan tuntutan.

Faktor Risiko

Sila rujuk pada butiran Faktor Risiko yang dinyatakan di bawah:

• Risiko Pasaran

Risiko pasaran merujuk kepada potensi kerugian yang mungkin timbul daripada perubahan ketara dalam suasana pasaran. Secara umumnya keadaan pasaran, dipengaruhi oleh, antara lain, kestabilan ekonomi dan politik. Sekiranya pasaran di mana Dana dilaburkan mengalami kemerosotan atau ketidakstabilan akibat keadaan ekonomi atau politik yang bergolak, ia boleh memberi impak besar kepada harga pasaran pelaburan Dana.

• Risiko Kecairan

Risiko kecairan merujuk kepada dua senario. Senario pertama adalah di mana sekuriti patuh Syariah tidak dapat dijual kerana ketiadaan pembeli untuk pelaburan tersebut. Senario kedua pula adalah di mana pelaburan tersebut kurang didagangkan. Ia boleh menyebabkan Dana melupuskan pelaburan tersebut di pasaran pada harga yang tidak memberangsangkan dan memberi kesan buruk pada pelaburan yang dibuat oleh pelabur. Risiko ini boleh dikurangkan melalui proses pemilihan sekuriti patuh Syariah yang teliti.

• Risiko Sekuriti

Harga sekuriti patuh Syariah tertentu boleh berubah mengikut keadaan yang menjelaskan syarikat-syarikat. Sebarang pergerakan ketara dalam harga sesuatu sekuriti patuh Syariah yang dilaburkan oleh Dana boleh menjelaskan NAV Dana. Pengurus Dana akan berusaha untuk mengurangkan kesan risiko sekuriti patuh Syariah berkenaan dengan mempelbagaikan portfolio.

• Risiko Ketidakpatuhan

Ketidakpatuhan kepada undang-undang, peraturan, syarat, resolusi Syariah, dasar dan prosedur dalaman boleh mengakibatkan pengawasan peraturan, reputasi terancam dan mengurangkan potensi pengembangan Dana. Matlamat pelaburan juga mungkin terjejas, sekiranya Pengurus Dana tidak mematuhi mandat pelaburan. Untuk mengurangkan risiko ini, Pengurus Dana mempunyai kawalan dalaman yang ketat dan memastikan pematuhan berterusan dengan undang-undang, peraturan, syarat, resolusi Syariah, amalan yang dinyatakan dan polisi dalaman serta prosedur yang ditetapkan oleh Pengurus Dana.

Faktor Risiko

- **Risiko Syarikat Pengurusan**

Prestasi Dana bergantung kepada pengalaman, kepakaran dan pengetahuan syarikat pengurusan. Sekiranya syarikat pengurusan mempunyai sebarang kekurangan yang berkaitan dengan mana-mana kualiti di atas, ia boleh menjelaskan prestasi Dana.

- **Risiko Pihak Bertentangan**

Dana akan terdedah kepada risiko kredit pihak bertentangan yang menjadi rakan dagang Dana. Dana mungkin meletakkan deposit Islam dan melabur dalam instrumen pasaran wang Islam. Sekiranya pihak bertentangan tidak dapat memenuhi tanggungjawabnya terutama jika berlaku kemuflisan, ini boleh menyebabkan kerugian kepada Dana. Risiko boleh dikurangkan melalui pelaksanaan penilaian kredit ke atas pihak bertentangan untuk menentukan kelayakan penarafan kredit mereka.

- **Risiko Inflasi**

Risiko ini merujuk kepada risiko di mana pelaburan oleh pelabur dalam Dana mungkin tidak berkembang atau tidak menjana pendapatan yang seiring dengan inflasi, sekaligus menyebabkan pengurangan kuasa pembelian pelabur walaupun dari sudut kewangan, pelaburan tersebut mungkin telah meningkat.

- **Risiko Pengurusan Dana Sasaran**

Walaupun Pengurus Dana akan menggunakan kemahiran dan ketelitian untuk memilih Dana Sasaran, ia tidak mempunyai kawalan ke atas pengurusan Dana Sasaran dan tiada jaminan bahawa objektif pelaburan akan dicapai. Ini boleh mengakibatkan pelabur mengalami kerugian bagi pelaburan mereka di dalam Dana.

Dana Sasaran mungkin mengubah objektifnya dan menjadi tidak selaras dengan objektif Dana. Dalam keadaan tersebut, Pengurus Dana akan menggantikan Dana Sasaran tersebut dengan dana pelaburan kolektif Islam lain yang dianggap lebih sesuai oleh Pengurus Dana untuk memenuhi objektif Dana. Pemegang unit akan diberitahu mengenai pertukaran tersebut.

Faktor Risiko

- **Risiko Pengkelasan Semula Status Syariah**

Ini adalah risiko di mana sekuriti ekuiti patuh Syariah yang sedang dipegang dalam Dana Sasaran boleh dikelaskan semula sebagai tidak patuh Syariah selepas semakan berkala sekuriti tersebut dilakukan oleh Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti atau Penasihat Syariah. Jika ia berlaku, Pengurus Dana Sasaran akan mengambil langkah yang perlu untuk melupuskan sekuriti tersebut.

Peluang kerugian boleh berlaku akibat sekatan ke atas Dana Sasaran untuk menyimpan lebihan keuntungan modal yang diperolehi daripada pelupusan ekuiti yang dikelaskan semula sebagai tidak patuh Syariah. Jika ia berlaku, Dana Sasaran perlu:

- (i) melupuskan sekuriti berkenaan dengan kadar segara atau dalam masa satu (1) bulan kalender jika nilai sekuriti melebihi atau bersamaan dengan kos pelaburan pada tarikh kuat kuasa pengkelasan semula Senarai Sekuriti Patuh Syariah ("Pengkelasan Semula") yang dikeluarkan oleh Majlis Penasihat Syariah Suruhanjaya Sekuriti atau tarikh kaji semula ("Kaji Semula") daripada Penasihat Syariah. Dana Sasaran dibenarkan untuk menyimpan dividen yang diterima dan lebihan keuntungan modal daripada pelupusan sekuriti sehingga pada tarikh kuat kuasa pengkelasan semula atau kaji semula. Bagaimanapun, sebarang dividen yang diterima dan lebihan keuntungan modal daripada pelupusan sekuriti tidak patuh Syariah selepas tarikh kuat kuasa pengkelasan semula hendaklah disalurkan kepada baitulmal dan/atau badan amal yang diluluskan;
- (ii) untuk menyimpan sekuriti tersebut jika nilai sekuriti berkenaan berada di bawah kos pelaburan pada tarikh kuat kuasa pengkelasan semula sehingga jumlah dividen seterusnya yang diterima (jika ada) dan harga pasaran sekuriti tersebut adalah bersamaan dengan kos pelaburan di mana waktu pelupusan perlu dilakukan dalam masa satu (1) bulan kalendar, keuntungan modal (jika ada) daripada pelupusan sekuriti tersebut hendaklah disalurkan ke baitulmal dan/atau badan amal yang diluluskan oleh Penasihat Syariah; atau
- (iii) untuk melupuskan sekuriti tersebut pada harga lebih rendah berbanding kos pelaburan yang akan menyebabkan pengurangan nilai Dana Sasaran.

Nota: Perkara di atas tidak harus dianggap sebagai senarai lengkap risiko yang harus dipertimbangkan pelabur sebelum melabur dalam Dana. Pelabur perlu sedar bahawa pelaburan dalam Dana mungkin terdedah kepada risiko lain dari semasa ke semasa. Pelabur harus berunding dengan penasihat profesional untuk memahami risiko-risiko dengan lebih baik.

TAKAFULINK DANA AKTIF

TAKAFULINK DANA AKTIF

Strategi Pengurusan Risiko

Strategi pengurusan risiko yang digunakan oleh Pengurus Dana termasuk yang berikut:

- Memantau keadaan pasaran dan ekonomi;
- Memantau kepatuhan objektif dan sekatan serta batasan bagi Dana;
- Memantau prestasi Dana;
- Mengambil posisi defensif sementara apabila perlu; dan
- Menyalur dan melaporkan hal pelaburan kepada jawatankuasa pelaburan, pasukan pengurusan kanan, jawatankuasa audit, jawatankuasa Syariah dan lembaga pengarah.

Maklumat Lain

Pasaran Sasaran	<p>Peserta yang mempunyai toleransi risiko yang tinggi dan jangka masa pelaburan yang panjang.</p> <ul style="list-style-type: none">• Penentuan harga unit dilakukan setiap hari.• Harga unit dikira berdasarkan pada nilai pasaran asas bagi Dana, dibahagikan dengan bilangan unit yang dikeluarkan.• Dana Takafulink tidak membayar sebarang dividen. Semua pendapatan dan keuntungan modal adalah diambil kira secara automatik ke dalam harga unitnya.• Harga unit ialah harga tunggal di mana unit diwujudkan dan dibatalkan.• Harga unit Dana akan dinilai pada penutup setiap hari perniagaan (Tarikh Penilaian), Bagaimanapun, oleh kerana nilai pelaburan Dana semasa penutup Tarikh Penilaian berkaitan hanya akan diketahui pada hari perniagaan seterusnya, penentuan harga unit Dana untuk Tarikh Penilaian berkenaan hanya akan diterbitkan dan dimaklumkan selepas 2 hari perniagaan seterusnya (T+2).
Dasar & Kekerapan Penilaian Unit	<ul style="list-style-type: none">• PruBSN boleh menggantung penentuan harga unit dan urus niaga sijil jika mana-mana bursa di mana Dana sasaran melabur digantung sementara untuk dagangan. Dalam keadaan sedemikian, notis untuk penggantungan mungkin dikeluarkan dan mungkin diberitahu kepada Peserta bagi permintaan untuk penambahan, pertukaran, penebusan atau pengeluaran kepada / dari mana-mana dana Takafulink tersebut.• PruBSN boleh menggantung penentuan harga unit dan urus niaga sijil jika Pengurus Dana sasaran menggantung langganan kepada Dana Sasaran tersebut.
Keadaan Pengecualian	<ul style="list-style-type: none">• PruBSN boleh menggantung penentuan harga unit dan urus niaga sijil jika mana-mana bursa di mana Dana sasaran melabur digantung sementara untuk dagangan. Dalam keadaan sedemikian, notis untuk penggantungan mungkin dikeluarkan dan mungkin diberitahu kepada Peserta bagi permintaan untuk penambahan, pertukaran, penebusan atau pengeluaran kepada / dari mana-mana dana Takafulink tersebut.• PruBSN boleh menggantung penentuan harga unit dan urus niaga sijil jika Pengurus Dana sasaran menggantung langganan kepada Dana Sasaran tersebut.

TAKAFULINK DANA AKTIF

Maklumat Mengenai Dana Sasaran

Dana Eastspring Investments Islamic Small-cap

Strategi Pelaburan

Dana Sasaran bertujuan untuk mencapai objektif dengan melabur dalam ekuiti patuh Syariah dan sekuriti berkaitan ekuiti patuh Syariah, seperti terbitan hak patuh Syariah dan waran patuh Syariah dalam syarikat bermodal kecil yang tersenarai di Malaysia dengan permodalan pasaran sehingga RM5 bilion. Apabila permodalan pasaran syarikat-syarikat dalam portfolio ini meningkat melebihi RM5 bilion selepas tarikh pengambilalihan, Dana Sasaran tidak akan menambah pegangannya dalam ekuiti patuh Syariah dan sekuriti berkaitan ekuiti patuh Syariah syarikat tersebut. Bagaimanapun, Dana Sasaran boleh mengekalkan pelaburannya dalam ekuiti patuh Syariah dan sekuriti berkaitan ekuiti patuh Syariah dalam portfolio Dana Sasaran yang telah berkembang dalam tempoh tersebut.

Bagi mengenal pasti syarikat tersebut, Pengurus Dana Sasaran akan melaksanakan penyelidikan dasar secara sistematik dan penilaian berasaskan pelaburan di mana kualiti pengurusan, kekuahan model perniagaan, dinamik industri, pemacu keuntungan dan kelangsungan perolehan dinilai agar dapat mengenal pasti saham-saham yang telah terkurang nilai oleh pasaran dan menggunakan sepenuhnya peluang yang tersedia. Dana Sasaran diuruskan secara aktif. Bagaimanapun, kekerapan aktiviti dagangan bergantung kepada peluang pasaran dan penilaian oleh Pengurus Dana Sasaran.

Nota: Permodalan pasaran kecil bermaksud syarikat-syarikat yang tersenarai di Malaysia dengan permodalan pasaran sehingga RM5 bilion semasa pengambilalihan.

Penafian:

Helaian fakta dana utama ini disediakan oleh Prudential BSN Takaful Berhad (PruBSN) untuk maklumat am dan tujuan ilustrasi sahaja dan tidak sepatutnya dijadikan asas untuk membuat keputusan pelaburan, kewangan atau keputusan-keputusan lain. Walaupun bahan-bahan yang digunakan dalam penyediaan profil dana ini diperolehi daripada sumber-sumber yang boleh dipercayai, PruBSN tidak menjamin ketepatan dan kesempurnaan maklumat. Sebarang analisis dan pendapat yang dinyatakan adalah tertakluk kepada perubahan tanpa notis. Prestasi masa lalu tidak menjamin keputusan masa hadapan. Para pembaca dinasihatkan untuk menghubungi PruBSN atau ejen-ejennya untuk butiran lanjut dan penjelasan maklumat yang berkaitan dengan produk yang ditawarkan oleh kami. PruBSN dan mana-mana syarikatnya yang berkaitan menafikan sebarang liabiliti walau apa pun sifatnya, sekiranya para pembaca mengalami kerugian apabila mereka hanya bergantung kepada kandungan maklumat di dalam profil dana ini.

PRUDENTIAL BSN

TAKAFUL

TAKAFUL

Untuk Semua. Untuk Kehidupan

Prudential BSN Takaful Berhad merupakan Pengendali Takaful yang berdaftar di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Prudential BSN Takaful Berhad (200601020898)

Tingkat 13, Menara Prudential, Persiaran TRX Barat, 55188 Tun Razak Exchange, Kuala Lumpur.

Peti Surat 10073, 50704 Kuala Lumpur.

Talian Umum: +603 2778 3888

Talian Khidmat Pelanggan: +603 2775 7188

E-mel: customer@prbsn.com.my

www.prbsn.com.my



*Semua maklumat dianggap sah dan relevan pada tarikh percetakan.
Dicetak pada 16 April 2020*